



UPNM HOLDINGS SDN. BHD.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, UPNMHSB

UPNM Holdings Sdn. Bhd. Merupakan anak syarikat milik penuh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), sebuah universiti awam yang beroperasi di Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur, mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan tersebut.

Skop dan tanggungjawab :

- Bertanggungjawab memastikan matlamat dan objektif syarikat dicapai.
- Bertanggungjawab untuk menentukan, dan melaksanakan hala tuju strategik syarikat bagi menjana pendapatan dan meningkatkan nilai syarikat.
- Mengurus dan menguatkuasakan penggunaan sumber tenaga manusia dengan efektif dan berdaya maju.
- Bertanggungjawab bagi membentuk dan mengetuai kumpulan pengurusan UPNMHSB berasaskan aspirasi penubuhannya.
- Memastikan syarikat beroperasi mengikut skop dan bidang kuasa sebagaimana objektif penubuhannya.
- Bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah UPNMHSB dan Pengurusan Tertinggi UPNM dalam melaksanakan sebarang keputusan serta arahan Lembaga UPNMHSB dari masa ke masa.

Kelayakan :

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan di dalam bidang kewangan, perakaunan, pengurusan perniagaan atau bidang-bidang lain yang berkaitan. Calon-calon yang memegang Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan adalah satu kelebihan.
- Minimum 10 tahun pengalaman profesional di dalam pengurusan kanan dan pentadbiran syarikat dengan keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman di syarikat korporat atau syarikat milik/ berkaitan kerajaan.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, keusahawanan, pemikiran strategik serta kompetensi di dalam pengurusan organisasi perniagaan.

Gaji Bulanan (Anggaran) :

RM10,000.00 – RM12,000.00

Cara Memohon :

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dan di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil berkaitan yang diakui sah beserta sekeping gambar berukuran pasport terbaharu.
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2023 (Isnin)**.
- Permohonan perlu dimajukan ke alamat seperti di bawah;

PENGERUSI

UPNM Holdings Sdn. Bhd.
Aras Bawah, Bangunan Kasturi,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Perdana Sungai Besi,
57000 Kuala Lumpur

Atau melalui email ke alamat nurfazlia@upnm.edu.my

PERHATIAN

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.